



## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**AHAD / 24 FEBRUARI 2019**

- 1. GUNA TEKNOLOGI MODEN HASILKAN PADI BERMUTU TINGGI**
  - **BERITA HARIAN**
- 2. JENTERA MODEN MUDAHKAN KERJA, JIMAT MASA PESAWAH**
  - **BERITA HARIAN**
- 3. JUAL IKAN TERUS DARI LAUT**
  - **SINAR HARIAN**
- 4. LATIH NELAYAN SEBAGAI RELA PANTAU PENCEROBOHAN LAUT.**
  - **METRO AHAD**
- 5. PEMANTAUAN HALAL PRODUK IKAN SEJAK 2010**
  - **MINGGUAN MALAYSIA**
- 6. STATE GOVTS TOLD TO AMEND RULES TO CURB RELEASE OF ALIEN FISH**
  - **NEW SUNDAY TIMES**
- 7. MINISTRY MULLS TRAINING FISHERMEN AS SEA RANGERS**
  - **NEW SUNDAY TIMES**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**

**( MADA )**

# KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 24 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

Ms. 50 24 Februari 2019 BH ANAD

## → INOVASI

(FOTO MANIMARAN BH)



Proses menabur benih padi di lot kawasan sawah padi. Foto kanan, jentera membajak sawah menggunakan separa rantai yang digunakan lebih stabil berbanding jentera beroda.

# Guna teknologi moden hasilkan padi bermutu tinggi



Benih padi direndam semalaman atau 24 jam dalam saliran di sawah, dikeringkan 24 jam lagi sebelum ditabur dalam sawah secara manual.

**+** Bendang Chui Chak dianggap kawasan produktif pengeluaran padi

Oleh Shamsul Kamal Amarudin  
shaka@nstp.com.my

► Teluk Intan

**B**erada di Kampung Baru Chui Chak, 30 kilometer (km) dari Teluk Intan, mata tidak akan terlepas daripada pemandangan sawah yang luas sajanya mata memandang.

Kawasan bendang Chui Chak yang berkeluasan 2,048 hektar dianggap antara kawasan yang produktif dalam pengeluaran hasil padi iaitu purata enam tan metrik sehektar, kedua tertinggi selepas Sekinchan, Selangor.

Malah, kawasan itu pernah menjadi sebutan dalam kalangan pesawah apabila menjadi kawasan bendang pertama yang menanam padi menghasilkan beras wangi pada pertengahan 1990-an.

Pesawah sepenuh masa, Ch'ng Kian Bing, 55, berkata ketika ini ada kira-kira 3,000 penduduk yang menetap di Kampung Baru Chui Chak dengan 70 peratus daripadanya mengusahakan sawah padi manakala 30 peratus lagi mengusahakan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan.

**Guna teknik lebih cekap**

Katanya, sikap, amalan dan kerajinan pesawah di situ menjadi teras kepada kejayaan mereka dalam mengeluarkan hasil padi yang tinggi.

"Oleh kerana mata pencarian penduduk bergantung sepenuhnya kepada hasil pertanian dan sawah, mereka sentiasa memastikan tanaman yang ditanam 'menjadi', selain peka dengan teknologi terbaru yang boleh meningkatkan produktiviti pertanian.

"Jika dahulu mereka berada seharian di teropang sawah, sekarang penggunaan jentera serta teknik lebih cekap membolehkan pesawah memulakan pekerjaan seawal jam 6 pagi atau jam 7 pagi dan tamat sekitar jam 10 hingga jam 11 pagi," katanya yang juga Ketua Kelompok Kawasan Pengairan Mukim Changkat Jong.

Pemerhatian BH di kawasan bendang berkenaan juga, mendapati pen-

duduk memanfaatkan tanah yang kosong untuk aktiviti boleh memberikan pulangan ekonomi seperti mendirikan rumah sarang burung.

Malah, terdapat petani yang membajak ruang tanah di tepi jalan raya untuk penanaman sayur-sayuran.

Sawah di Chui Chak menggunakan pengairan sepanjang 2.5 km yang kelihatan bersih tanpa semak-samun, yang dialirkan dari Sungai Bidor dan diturunkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), sebelum dilepaskan ke Sungai Pahlawan.

Kian Bing yang memiliki dua lot sawah dan menyewa empat lot lagi pada harga RM9,000 setiap lot, berkata anggaran modal menanam satu lot padi termasuk harga benih, racun dan baja tambahan serta kos lain berkaitan ialah RM5,000, tidak termasuk harga sewa sawah bagi mereka yang menyewa daripada orang lain.

Satu lot kawasan padi berkeluasan 2.4 hektar membolehkan satu atau dua petak sawah tertakluk kepada saiz keluasan.

Katanya, satu lot kawasan padi di situ secara purata boleh menghasilkan antara 15 hingga 16 tan metrik padi atau anggaran enam tan metrik sehektar.

Asalnya, Chui Chak bukanlah kawasan sawah sebaliknya ia adalah kawasan hutan yang dibersihkan dan dijadikan kawasan penempatan penduduk Cina oleh Kerajaan British sekitar tahun 1950-an.

Mengikut sejarah, kerajaan British ketika itu mengenal pasti Chui Chak sebagai kawasan tanah subur untuk pertanian, terutama tembakau dan padi.

Ketika mula dibuka pada pertengahan 1950-an, terdapat kira-kira 100 keluarga menetap di Chui Chak dengan setiap keluarga dibentangkan enam hektar tanah untuk penanaman padi serta dua hektar tanah lagi untuk membina rumah serta bagi penanaman buah-buahan serta sayur-sayuran.

**Ch'ng Kian Bing, Pesawah**

# KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 24 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

BH ANAD 24 Februari 2019 Ms.51

## → INOVASI



### Jentera moden memudahkan kerja, jimat masa pesawah

**Teluk Intan:** Penggunaan teknologi jentera dalam pertanian bukan sahaja memudahkan pekerjaan petani, malah dapat menjimatkan masa dalam usaha mengeluarkan hasil yang banyak dan berkualiti.

Itu yang dilakukan oleh sebahagian besar pesawah di Kampung Baru Chui Chak, Langkap, dekat sini.

Pesawah, Foo Kek Yew, 55, berkata antara teknologi digunakan dalam penanaman padi ialah jentera penyembur racun yang mampu melakukan semburan racun di sawah empat kali lebih cekap dan cepat, berbanding penggunaan *blower* yang disangkut pada tubuh pesawah untuk penyemburan racun secara manual.

**Kaedah lama memenatkan**

Katanya, jentera penyembur racun perosak padi mampu melakukan tugas dengan sekali pengisian dan bertugas untuk tempoh sejam berbanding penggunaan *blower* yang mengambil masa kira-kira tiga jam untuk kuantiti racun sama.

"Jika melakukan tugas penyemburan secara manual, ia bukan sahaja memenatkan kerana perlu mengisi air berulang kali, malah tangki digunakan lebih kecil.

bena perang adalah faktor utama dalam memastikan padi terus subur.

**Penggunaan teknologi**

Katanya, penggunaan teknologi dan jentera bagaimanapun tidak merangkumi semua aktiviti pertanian kerana ada kalanya kaedah secara manual lebih praktikal dan menjimatkan.

Ketika ini, katanya, hanya proses membajak iaitu kedua-dua proses pembajakan kering dan air, meracun serta menuai menggunakan jentera manakala aktiviti lain seperti menabur benih dan membaja masih dilakukan secara manual.

"Selepas meneliti pelbagai aspek termasuk kos, penggunaan jentera untuk menabur benih dan baja didapati tidak sesuai. Sebaliknya, penggunaan 'blower' dalam penaburan benih serta menggunakan tenaga manusia untuk membaja lebih menjimatkan," katanya.

Kek Yew berkata, pesawah di situ sentiasa peka dengan penggunaan teknologi terkini termasuk cadangan menggunakan dron dalam penyemburan racun.

Bagaimanapun, katanya, selepas beberapa kali proses percubaan, ia didapati tidak sesuai kerana semburan tidak rata dan kos tinggi.

**Info**

#### Cara penanaman padi di Chui Chak

- Menyediakan bendang (membakar jerami, meracun rumpai)
- Pembajakan kering
- Memasukkan air dalam sawah
- Pembajakan basah
- Merendam benih padi semalaman
- Menabur benih
- Membaja dan meracun
- Padi berbunga
- Proses meracun berterusan
- Padi berbuah
- Menuai (daripada proses menyediakan bendang hingga menuai mengambil masa 110 hari)

"Tambahan lagi, ia perlu disangkut pada belakang badan berbanding jentera yang mana pengendaliannya juga tidak sukar," katanya.

Kek Yew yang juga Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Chui Chak menjelaskan tindakan memusnahkan perosak padi, terutama ulat dan



SINAR HARIAN • AHAD 24 FEBRUARI 2019

# Jual ikan terus dari laut

*Sistem itu bertujuan atasi isu orang tengah yang sering memanipulasi harga ikan*

SERDANG

**K**ementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) membangunkan satu sistem baharu yang membolehkan hasil tangkapan nelayan dijual ketika mereka masih lagi berada di lautan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, inisiatif itu antara langkah diambil kementerian bagi meningkatkan pendapatan nelayan sebagaimana digariskan dalam pelan hala tuju meningkatkan pendapatan golongan itu.

Menurutnya, sistem itu apabila siap kelak akan melengkapkan kegunaan aplikasi paparan harga ikan dimiliki Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Sistem ini membolehkan nelayan yang turun ke laut menjual hasil tangkapan tanpa perlu menunggu sehingga mendarat seperti amalan sebelum ini.

"Dengan bantuan aplikasi harga pasaran dimiliki LKIM, nelayan boleh mengenal pasti harga semasa ikan dan terus menjualnya melalui sistem yang dibangunkan itu," katanya pada sidang media selepas sesi pertemuan bersama ejen pembangunan perikanan yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah



Salahuddin (kanan) melawat gerai jualan ikan merah batu sempena Program Kecemerlangan Jabatan Perikanan, semalam.

Perikanan, Datuk Dr Bah Piyau Tan di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

Salahuddin berkata, pengenalan sistem itu juga antara lain bertujuan mengatasi isu orang tengah yang sering memanipulasi harga ikan dan merugikan nelayan.

Sementara itu katanya, kementerian juga sedia meminda atau mencadangkan akta baharu bagi menghalang kegiatan melepaskan ikan daripada spesies larangan ke sungai, tasik dan lombong di seluruh negara.

Menurutnya, beliau perlu terlebih dahulu mendapatkan maklumat atau gambaran jelas mengenai perkara tersebut daripada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) selaku agensi bertanggungjawab.

"Saya akan adakan perbincangan lanjut dengan Jabatan Perikanan bagi melihat sejauh mana seri-

usnya situasi tersebut.

"Jika perlu, saya fikir kita perlu merangka satu akta baharu atau meminda mana-mana akta sedia ada untuk menangani hal ini di masa depan," katanya, mengulas laporan sebuah akhbar tempatan berhubung kewujudan spesies ikan larangan atau spesies alien di kawasan perairan di pantai timur.

Salahuddin juga menyambut baik saranan Jabatan Perikanan yang mahu pindaan dibuat terhadap Kaedah-Kaedah Perikanan Sungai di peringkat negeri agar aktiviti pelepasan spesies ikan eksotik boleh dikawal dan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk rekod, antara ikan dilarang dilepaskan ke perairan umum ialah keli Afrika, piranha, flower horn, bawal merah, ikan naga dan ikan buaya. - Bernama

## KERATAN AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 24 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERIKANAN

---



SALAHUDDIN (kanan) melawat gerai pameran ikan merah batu selepas merasmikan Program DOF dan produk Tuna Shack.

**Kuala Lumpur**

### **Latih nelayan sebagai RELA pantau pencerobohan laut**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bercadang melatih golongan nelayan sebagai sukarelawan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Renjer Laut bagi membantu pihak berkuasa memantau pencerobohan kawasan laut.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, ia susulan masalah pencerobohan perairan negara yang berlarutan selain aduan mengenai isu pelanggaran zon penangkapan.

Beliau berkata, masalah yang tiada penghujung

itu menyebabkan negara hilang banyak hasil laut.

“Dalam hal ini, kita boleh melantik orang awam terutama nelayan sebagai sukarelawan serta menjadi ‘mata dan telinga’ pihak berkuasa bagi membantu memantau aktiviti di laut kerana mereka mahir dengan selok-belok lautan,” katanya selepas merasmikan Program Kecemerlangan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Pelancaran Produk Tuna Shack di Laman Perikanan, Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini, semalam.

TARIKH : 24 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERIKANAN

# Pemantauan halal produk ikan sejak 2010

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 23 FEB.

**J**ABATAN Perikanan sentiasa melaksanakan pemantauan halal terhadap ikan termasuk penghasilan berkaitan produk-produk ikan sejak 2010 lagi.

Jabatan itu dalam kenyataan memaklumkan, pemantauan tersebut dijalankan secara berkala bagi mengesan kehadiran asid deoksiribonukleik (DNA) porsin (seperti babi) ke atas produk perikanan seluruh negara.

"Antara produk dianalisis adalah ikan, makanan ikan dan tepung ikan yang dilakukan di makmal Biosekuriti Perikanan di Kuala Lumpur dan Bintawa, Sarawak.

"Hanya 4.9 peratus sampel sahaja yang dikesan positif mengandungi DNA porsin iaitu diambil daripada makanan ikan menerusi pemantauan terhadap 846 sampel sepanjang 2016, 2017 dan 2018," jelas kenyataan tersebut di sini hari ini.

Kenyataan itu mengulas dakwaan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) berhubung terda-

pat ikan ternakan yang diberikan makanan berasaskan babi.

Menurut Jabatan Perikanan lagi, Bahagian Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah memutuskan kepada barangan makanan dan kegunaan peribadi.

"Ia tidak dikembangkan ke atas haiwan kerana hukum halal dan larangan haram hanya terpakai kepada manusia.

"Selain itu, satu penyelidikan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung mendapati ikan diberikan makanan tidak halal berupaya menyucikan badan mereka 72 jam setelah melalui proses istihala (pengasingan tidak diberikan makan)," jelas kenyataan itu.

Tambah kenyataan tersebut, Akta Makanan Haiwan 2009 di bawah Peraturan Pelabelan secara jelas mengkehendaki setiap pengeluar makanan ter-

nakan melabelkan kandungan ramuan di dalam makanan ternakan yang dikeluarkan dan tindakan keras akan diambil jika mereka menipu atau gagal berbuat demikian.

Jabatan Perikanan berharap pihak berkaitan tidak membuat dakwaan tanpa disertakan maklumat lebih terperinci kerana kesannya mengakibatkan kecelaruan dalam kalangan pengguna dan aktiviti penternakan ikan.

Sementara itu, Jabatan Perikanan memaklumkan pihaknya kini melakukan pemantauan terhadap isu kebanjiran ikan baung di Sungai Pahang yang dilaporkan berlaku baru-baru ini.

Menurut jabatan itu, pihaknya akan melakukan pindaan terhadap Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) di peringkat negeri supaya pelepasan ikan eksotik dapat dikawal termasuk tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan lebih berkesan.



# KERATAN AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 24 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERIKANAN

---

## ECOSYSTEM

### State govts told to amend rules to curb release of alien fish

**SERDANG:** The Fisheries Department has recommended state governments to amend fisheries rules to prevent people from releasing alien fish into public waters.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub said such exotic fish was released or dumped into rivers or lakes by the public.

"We do not have a rule that prevents people from releasing fish into the river. We have asked the state governments to include a clause in the state river rules to prevent the public from doing so.

"If they want to release fish in the river, they need to refer to the state Fisheries Department," he said after launching the department's excellence programme at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang here yesterday.

On Friday, the *New Straits Times* reported that ichthyologists, researchers and fishermen wanted the government to take a serious look at the threat of alien predatory fish that had invaded rivers.

They said fish such as the Mekong red tail catfish (*Hemibagrus wyckioides*), which originates from the Mekong River, and the peacock bass (*Cichla ocellaris*) from the Amazon River, were devouring local species and may force some into extinction.

Salahuddin said the Mekong red tail catfish was a predatory fish listed by the Fisheries Department, along with 32 other species that were not allowed to be released into public waters.

He said some hobbyists dumped their fish into rivers when they no longer wanted to keep them, while others released fishes for religious purposes.

He said the Fisheries Department was creating an inventory of alien species that lived in our waters.

"We are finding ways to eliminate them," he said, adding that the department would monitor the red tail catfish farming industry to ensure that operators complied with the recommendations and regulations.

He said district fisheries officers would conduct checks, apart from holding awareness programmes on predatory fish.

**TARIKH : 24 FEBRUARI 2019**

**PERKARA : PERIKANAN**

**ENCROACHMENT ISSUE**

# Ministry mulls training fishermen as sea rangers

**SERDANG:** The Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MOA) has announced plans to recruit local fishermen as sea rangers in the fight against foreign encroachment.

Its minister, Datuk Salahuddin Ayub, said foreign vessels encroaching on Malaysian waters was a longstanding issue, particularly at the Zone A fishing zone.

"The ministry received complaints on this issue every day. I've raised this issue numerous times in cabinet meetings. However, we do not have enough assets to monitor every inch of our territorial waters.

"Therefore, we are looking at training fishermen to be the eyes and ears of the government, in addition to the monitoring and enforcement that is being carried out by the authorities."

He said this after launching the Fisheries Department's excellence programme at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang here yesterday.

Salahuddin said although the proposal was discussed at the ministry level, its implementation required a detailed discussion with the Home Ministry, as it involved enforcement and national security.

He said MOA was looking at setting up an application for fishermen to sell their products online.



*Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub visiting a booth after launching the Fisheries Department's excellence programme at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang yesterday. PIC BY ROSELA ISMAIL*

"The Fisheries Development Authority of Malaysia has an application that allows consumers to check and compare prices of marine products.

"We are looking at upgrading the application and allowing fisherman to sell their products via the application," he said, adding that this could reduce the in-

volvement of middlemen.

"We are discussing this with the Federal Agricultural Marketing Authority, which will develop the system."